

## Strategi Rasulullah SAW dalam Mengukuhkan Kestabilan Negara *Prophet's Strategy in Strengthening the Stability of a Country*

Ahmad Izzuddin Abu Bakar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

(izzuddin@usim.edu.my)

### Abstrak

Rasulullah SAW adalah *mu'allim* atau guru bagi semua keadaan. Baginda SAW bukan sahaja seorang Rasul malah segala-galanya termasuklah sebagai ketua negara dan pemimpin politik. Sumber primer *sīrah* seperti *al-Sīrah al-Nabawīyyah* karya 'Abd Malik bin Hishām mencatatkan dua fasa dakwah iaitu *marhalah madaniyyah* dan *marhalah makkiyah*. Fasa kedua ini merangkumi cara-cara pemerintahan dan pentadbiran. Ini sejajar dengan kota Madinah yang mencukupi syarat-syarat asas untuk dikatakan sebagai sebuah negara iaitu rakyat, wilayah, kerajaan dan kedaulatan. Sebagai seorang pemimpin, Rasulullah SAW telah melakar strategi mengukuhkan kestabilan negara yang baru dibina. Negara yang stabil dan makmur merupakan antara nikmat Allah yang terbesar kepada hamba-hamba-Nya seperti yang dinyatakan di dalam hadith-hadith sahih. Strategi yang digariskan oleh Rasulullah SAW boleh dikategorikan kepada dalaman dan luaran. Strategi dalaman ialah dengan mengadakan perjanjian dengan rakyat Madinah yang bukan Islam, menjamin bekalan makanan penduduk supaya sentiasa mencukupi dan mengukuhkan sektor ekonomi untuk menjana kekayaan. Manakala strategi luaran ialah mempamerkan kekuatan tentera kepada musuh sebagai amaran kepada mereka dan mengadakan perjanjian damai bersama kabilah-kabilah yang berjiran di sekeliling kota Madinah.

**Kata Kunci:** *strategi, Rasulullah, kestabilan, negara*

### Abstract

*Rasulullah SAW is a mu'allim which means an educator in all situation. He is not just a messenger but also a governor and political leader. Primary sources of sīrah such as al-Sīrah al-Nabawīyyah written by 'Abd Malik b. Hishām recorded two phases of preaching which are marhalah Madaniyyah and marhalah Makkiyah. The second phase includes the approaches to his governance and administration. This aligns with the city of Madinah that fulfills the general requirement of a country which is the citizen, districts, government, and sovereignty. As a leader of a country, Rasulullah SAW develops strategies to stabilize the newly built country. A stable and harmony country is one of the biggest blessing given by Allah SWT to His believers as stated in many saḥīḥ hadith. Strategy established by Rasulullah SAW can be categorized as an internal and external strategy. The internal strategy can be seen when Rasulullah SAW accomplish a treaty with the non-muslim citizen of Madinah, ensure the supply of food is always available and administer strong economy sector to generate wealth. Whereas, the external strategy is by showed by the resilient of its army in order to alarm the enemy and established a peace treaty with neighboring tribes all around Madinah.*

**Keywords:** *Prophet, strategy, country, stability*

### Pendahuluan

Rasulullah SAW adalah *mu'allim* yang bermaksud guru bagi semua keadaan dan situasi. *Sīrah* menunjukkan bahawa Baginda SAW bukan sahaja seorang Rasul, pemimpin masyarakat, bapa, sahabat dan jiran bahkan sebagai ketua negara, ahli politik dan panglima perang yang unggul dan tiada tolok bandingnya. Ini bertepatan dengan Islam yang tidak

pernah memisahkan sesuatu pun daripadanya dan politik dan kenegaraan adalah satu bahagian daripada agama.

Sumber-sumber primer *sīrah* seperti *al-Sīrah al-Nabawīyyah* karya 'Abd Malik bin Hishām dan *Zād al-Ma'ād fī Hadyi Khayr al-'Ibād* karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyebut tentang dua fasa dakwah iaitu *marhalah madaniyyah* dan *marhalah*

*makkiyah*. Fasa kedua ialah fasa mentadbir negara yang mana Rasulullah SAW bersama-sama pengikutnya telah berjaya mendirikan Negara Islam. Sebagai ketua negara, Baginda SAW berusaha membina Madinah yang baru diasaskan dan meluaskan pengembangannya dengan menggariskan dasar dan polisi dalam mencapai dan mengukuhkan kestabilan.

Kestabilan politik bagi sesebuah negara adalah isu hangat yang diperdebatkan. Ia memandangkan kepada kesannya yang mustahak dan berkait rapat terhadap segenap bidang meliputi keselamatan, ekonomi, pembangunan, pendidikan dan lain-lain. Negara yang hilang kestabilan politik akan menjadi mundur dan tidak berdaya saing. Lebih malang daripada itu, ia diperkotak katik dan menjadi bidak catur dalam permainan kepentingan negara-negara yang kuat.

Makalah ini akan meninjau dan menonjolkan perbuatan Rasulullah SAW (*taṣarrufāt al-Rasul*) yang boleh dianggap sebagai strategi mengukuhkan kestabilan negara yang mungkin sebelum ini tidak diperlihatkan dalam konteks politik dan kenegaraan. Hal ini wajar diselidiki sebagai rujukan dan panduan seperti mana petunjuknya diambil di dalam hal-hal ibadat, *mu'āmalāt* dan *jināyāt*. Penelitian akan dibuat terhadap catatan-catatan sirah khususnya dalam *marhalah madaniyyah* dengan mengambil riwayat-riwayat yang diterima keujahannya dan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang berkaitan.

### Definisi Kestabilan Negara

Perkataan “Stabil” adalah Kata Nama yang bermaksud mantap, kukuh, tetap, tenang, tidak goyah dan tidak berubah-ubah; yang merujuk kepada sesuatu yang hakiki seperti bangunan, kenderaan dan sebagainya atau sesuatu yang maknawi seperti pemerintahan, kerajaan, harga barang dan lain-lain. Lawan kepada perkataan “Stabil” ialah berubah-ubah, bergolak, goyah dan tidak tetap.<sup>1</sup> Manakala perkataan “Negara” pula bermaksud sesuatu kawasan yang didiami oleh masyarakat.<sup>2</sup>

“Negara yang stabil”, kestabilan negara atau pemerintahan yang stabil merujuk kepada keadaan sesebuah negara yang aman dan tidak bergolak, tiada konflik yang serius serta tidak berlaku kekacauan seperti mogok, tunjuk perasaan dan perang saudara,

peperangan serta mempunyai aktiviti harian yang normal.

Maksud “kestabilan negara” yang merupakan tajuk dan intisari perbincangan makalah ialah strategi, cara, kaedah atau langkah mengukuhkan atau menguatkan negara yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sebagai ketua negara atau pemimpin politik tertinggi bagi Madinah. Ia tidak bermaksud strategi mestabilkan huru-hara, kacau bilau, ketidaktenteraman yang berpunca daripada konflik dan bantahan dalaman kerana majoriti rakyat memberikan ketaatan mutlak memandangkan Muhammad SAW diimani sebagai Rasul dan Nabi yang memiliki kemaksuman. Minoriti bukan Islam dari kalangan Yahudi tidak melakukan penentangan secara terang-terangan. Penduduk Musyrikin Arab pula, hanya sedikit penentangan yang ditimbulkan oleh mereka seperti mana yang disebut oleh catatan sirah.

### Kepentingan Kestabilan Negara Dari Perspektif Sunnah

Sunnah Nabawiyyah memberikan perspektif tersendiri terhadap kepentingan dan signifikan kestabilan negara. Hadith-hadith menggambarkan suasana yang aman damai, makmur, selamat dan seumpama dengannya; yang merupakan asas utama kepada maksud dan konsep kestabilan sesebuah negara; adalah nikmat Ilahi yang tidak terhingga nilainya dan dikira sebagai sebesar-besar anugerah yang dikurniakan terhadap hamba-hamba-Nya di atas muka bumi sehingga diibaratkan seperti memiliki dunia seluruhnya.

عن سلمة بن عبيد الله بن محسن الخطمي عن أبيه رضي الله عنه، وكانت له صحبة، قال: قال رسول الله ﷺ: من أصبح منكم آمناً في سربه، معافى في جسده، عنده قوت يومه، فكأنما حيزت له الدنيا.

*Daripada Salamah bin Ubaydullāh bin Miḥsan al-Khatmi, daripada bapanya RA, dan bapanya adalah sahabat Nabi SAW, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesiapa di kalangan kamu yang bangun pagi dengan aman pada dirinya, sihat pada tubuhnya, padanya makanan hari itu, ia seolah-olah dihimpunkan dunia untuknya.*<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=stabil>, 14 Mac 2018.

<sup>2</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=negara>, 14 Mac 2018.

<sup>3</sup> Al-Tirmidhī (1999). Muhammad bin ʿĪsa. *Sunan al-Tirmidhī*. Pentahqiq: Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī, Kitāb al-Daʿawāt, Bāb mā Yaquḷu ʿInda Rukyat al-Hilal, No. Hadith 3451. c. 1, Al-Qāhirah. Dār al-hadīth. j. 3, h. 326.

Orang yang beriman digesa berdoa dan memohon kepada Allah SWT supaya nikmat keamanan tidak ditarik dan sentiasa menaungi kehidupan sehingga akhirnya. Perintah dan suruhan ini terdapat dalam doa yang *ma'thur* daripada Baginda SAW yang sangat banyak.

حدثني بلال بن يحيى بن طلحة بن عبيد الله عن أبيه عن جده طلحة بن عبيد الله رضي الله عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم كان إذا رأى الهلال، قال: اللهم أهله علينا باليمن والإيمان والسلامة والإسلام ربي وربك الله.

*Bilal bin ahya bin Talhah bin Ubaidullah RA telah berbicara kepadaku, daripada bapanya, daripada datuknya Talhah bin Ubaidullah RA, sesungguhnya Nabi SAW apabila melihat bulan sabit, Baginda bersabda: "Ya Allah sinarilah ia ke atas kami dengan keberkatan, iman, keselamatan dan Islam, TuhanKu dan Tuhanmu adalah Allah".<sup>4</sup>*

عن أبي هريرة رضي الله عنه، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ما من دعوة يدعو بها العبد أفضل من اللهم إني أسألك المعافاة في الدنيا والآخرة.

*Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah mana-mana doa yang seseorang hamba berdoa dengannya, lebih baik daripada, ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu kesejahteraan di dunia dan akhirat."<sup>5</sup>*

Tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan masyarakat dan negara seperti menggunakan senjata, melakukan kerosakan dan menakutkan orang awam atau apa sahaja yang menjurus ke arah itu dilarang keras dan haram sama sekali. Rasulullah SAW menyatakan sesiapa yang berbuat sedemikian, "dia bukan dari kalangan kita"

yang bermaksud dia tidak mengikuti cara kita iaitu cara Islam sebagai agama yang diredhai Allah SWT.<sup>6</sup>

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنه، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: من حمل علينا السلاح فليس منا.

*Daripada Abdullah bin Umar RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mengangkat senjata kepada kita, maka dia bukan daripada kalangan kita".<sup>7</sup>*

عن عبد الرحمن بن أبي ليلى، قال: حدثنا أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم: أنهم كانوا يسيرون مع النبي صلى الله عليه وسلم فنام رجل منهم فانطلق بعضهم إلى حبل معه فأخذه ففرع، فقال رسول الله: لا يحل لمسلم أن يروع مسلماً.

*Daripada Abdul Rahman bin Abi Laila RA, dia telah berkata: Sahabat-sahabat Muhammad SAW telah memberitahu kami: mereka berjalan bersama Nabi SAW lalu salah seorang daripada tidur. Sebahagian mereka telah mengambil tali dan mengikatnya lalu dia merasa takut. Rasulullah SAW pun bersabda: tidak halal bagi seorang muslim menakutkan orang muslim yang lain.<sup>8</sup>*

### Al-Madinah al-Munawwarah Sebagai Sebuah Negara

Madinah al-Munawwarah adalah sebuah kota yang memenuhi syarat-syarat asas sebuah negara. Pengembangannya yang pantas dengan menguasai Semenanjung Arab dianggap sebagai kuasa baru yang memberi ancaman sehingga mendapat perhatian kuasa dunia yang bersempadan iaitu empayar Parsi dan Rom. Para pengkaji Sains Politik bersepakat sekurang-kurangnya tiga perkara asas yang perlu ada bagi sesebuah negara iaitu Rakyat, Wilayah dan Kerajaan. Sesetengah pendapat meletakkan perkara keempat iaitu Kedaulatan. Negara tidak akan ada

<sup>4</sup> Al-Tirmidhī (1999). op. cit., Kitāb al-Zuhd 'An Rasūlillāh SAW, Bāb Fī al-Tawakkul a'la Allah, No. Hadīth 3851. j. 3, h. 357.

<sup>5</sup> Ibn Majāh (1998). Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. Pentahqiq: Muhammad bin Fuād 'Abd al-Baqī, Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī. Kitāb al-Du'a', Bāb al-Du'a' bil 'Afwi wa al-'Afiat, No. Hadīth 3851. c. 1, Al-Qāhirah. Dār al-hadīth. j. 3, h. 357.

<sup>6</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1986). Ahmad bin Ali. *Fath al-Bari Fi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. t.c., Al-Qāhirah. Dār al-Rayyān Li al-Turāth. j. 5, h. 26.

<sup>7</sup> Al-Bukharī (2005). Muhammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukharī*. Pentahqiq: Abu Shuhayb al-Karamī. Kitāb al-Fitan, Bāb Qawl al-Nabiy SAW. No. Hadīth 6874. t.c., Al-Riyadh. Bait al-Afkār al-Duwalliyah. h. 1310.

<sup>8</sup> Abu Dāwūd (1999). Sulaymān bin al-Ash'ath. *Sunan Abī Dāwūd*. Pentahqiq: Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī, Kitāb al-Adab, Bāb Man Ya'khuzu Shay'an 'Alā al-Mazāh, No. Hadīth 5004. c. 1, Dār al-hadīth. Al-Qāhirah. j. 5, h. 2131.

tanpa kewujudan ciri-ciri ini. Negara Madinah memiliki keempat-empat perkara tersebut.<sup>9</sup>

### Rakyat

Rakyat ialah sekumpulan manusia yang menetap di wilayah tertentu secara bermukim dan berterusan. Rakyat negara Madinah terdiri daripada kabilah arab Aus dan Khazraj. Kabilah-kabilah ini dikenali dengan Ansar yang bermaksud menolong atau memenangkan yang dinamakan bersempena dengan pertolongan mereka terhadap Rasulullah SAW sekali pun tiada pertalian darah dan persaudaraan. Semasa mereka tiba di Madinah daripada Yaman, kabilah-kabilah Yahudi telah membina penempatan terlebih dahulu. Orang Yahudi menerima kehadiran Aus dan Khazraj disebabkan kedudukan mereka sebagai bangsa Arab yang merupakan penduduk asal yang mendiami Semenanjung Arab.<sup>10</sup>

Muhajirin yang merupakan orang-orang yang berhijrah khususnya penduduk Mekah menjadi rakyat selepas berhijrah ke Madinah. Sebahagian mereka adalah bukan Arab seperti Suhaib al-Rumi yang merupakan bekas hamba abdi kepada orang Rom, Salman al-Farisi yang berbangsa Parsi dan Bilal bin Rabah yang berasal daripada Habsyah. Terdapat juga Muhajirin daripada tempat-tempat lain seperti Yaman dan Oman. Bilangan mereka bertambah dengan peningkatan hijrah kerana menyahut seruan hijrah bagi menguatkan negara Islam.

Penduduk bukan Islam ialah tiga kabilah Yahudi, Bani Qaynuqa', Bani Nadhir dan Bani Qurayzah. Penduduk Arab bukan Islam sebahagian besar menganut agama Musyrik. Sebahagian kecil beragama Kristian dan Majusi tetapi bilangan mereka terlalu sedikit. Riwayat menyebut, Nabi SAW menghantar Ja'adah bin Hani' untuk berdakwah kepada seorang penduduk Madinah beragama Kristian.<sup>11</sup> Agama ini tersebar di Madinah melalui perdagangan dengan Syam yang didiami kabilah-kabilah Arab Kristian seperti Ghassasanah dan Quda'ah yang mana tempat tinggal mereka berjiran dengan empayar Rom Kristian. Perhubungan dengan

Yaman yang mempunyai pengaruh Kristian kerana pernah ditakluk Habsyah turut menjadi faktor yang menyumbang. Penganut Majusi pula berasal daripada hamba abdi yang dibawa masuk ke Madinah.<sup>12</sup>

Majoriti penduduk Madinah ketika ia diasaskan oleh Rasulullah SAW ialah bangsa Arab. Walaupun pada mulanya kelompok mereka adalah kumpulan minoriti tetapi lama kelamaan bilangan mereka bertambah sehingga mengatasi penduduk Yahudi.<sup>13</sup>

### Wilayah

Madinah adalah salah sebuah kota yang utama di Semenanjung Arab bersama-sama dengan Mekah, Yaman dan Yamamah. Ia terletak di sebelah Barat Semenanjung dan ketinggiannya dari aras laut ialah 639 meter. Jaraknya daripada Yanba' di persisiran Laut Merah ialah 275 kilometer dan di antaranya dengan Mekah ialah 500 kilometer. Keadaan muka bumi ialah berbentuk dataran dan berbukit<sup>14</sup>. Kota ini mempunyai banyak tanah-tanah subur yang sesuai untuk pertanian berbanding kota-kota di sekitarnya kerana kewujudan lembah-lembah yang menakung air hujan dan telaga-telaga yang membekalkan air bawah tanah. Lembah-lembah yang terkenal ialah Lembah Aqiq, Lembah Qanat dan Lembah Bathhan. Manakala telaga-telaga yang menjadi punca air pada ketika itu ialah Telaga Aris, Telaga Ha', Telaga A'zq dan Telaga Bawsah<sup>15</sup>.

### Kerajaan

Kerajaan yang memerintah Madinah diketuai oleh Rasulullah SAW. Baginda SAW adalah pemimpin tertinggi. Anggota mesyuarat kerajaan ialah Sahabat-Sahabat Utama (*Kibar al-Sahabah*) khususnya ketua-ketua suku. Baginda SAW turut mengambil pandangan pihak-pihak yang berkenaan dalam sesuatu masalah. Baginda SAW bermesyuarat untuk mengambil sebarang keputusan yang tidak diturunkan wahyu oleh Allah SWT terutama dalam menangani situasi genting seperti peperangan<sup>16</sup>.

<sup>9</sup> Al-Husayn (2011). *Batūl Maḥmūd al-Dawlah wa Arkānihā fī al-Fikr al-Islāmī al-Mu'āsir*. Majallah al-Ulūm al-Siyāsiyyah. Bil. 43. Baghdād. Jāmi'ah Baghdād. h. 156. Būdiyār (2003). Husnī. *Al-Wajīz fī al-Qanūn al-Dustūrī*. t.c., Al-Jazāir. Dār al-ūlūm. h. 38.

<sup>10</sup> Saami (2004). Hamdan Abu Zuhri. *Yahud al-Madinah Fi A'hd al-Nabawi Audhau'hum al-Ijtima'iyyah Wa al-Iqtisadiyyah Wa al-Thiqafiyah*. Tesis Master. Gaza. Al-Jami'atu al-Islamiyyah. h. 45.

<sup>11</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1986). Ahmad bin Ali. *Al-Isābah Fi Tamyiz al-Sahabah*. Pentahqiq: Hassan Abdul Mannan. t.c., Bait al-Afkar al-Duwaliiyyah. h. 189.

<sup>12</sup> Abdullah (1982). Abdul Aziz bin Idris. *Mujtama' al-Madinah fi A'hd al-Rasul*. c. 1. Jeddah. Matabi' Jami'ah al-Malik Sa'ud. h. 53.

<sup>13</sup> Saami Hamdan Abu Zuhri (2004), op. cit., h. 46.

<sup>14</sup> Abdullah (1982). op. cit., h. 17.

<sup>15</sup> Ali (1996). Hafiz. *Fusul min Tarikh al-Madinah al-Munawwarah*. c. 3. Madinah, Syarikah al-Madinah li al-Tab Wa al-Nashr. h. 15. Muhammad (2003). bin Hasan bin Zabalah. *Akhbar al-Madinah*. Madinah. Markaz al-Buhuth Wa Dirasat. c. 1. h. 211.

<sup>16</sup> Hashim (2007). Yahya al-Mallah. *Hukumat al-Rasul SAW Dirasat Tarikhiyyah Dusturiyyah Muqaranah*. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. c. 1. h. 91.

Selepas kafilah dagang yang diketuai Abu Sufyan yang diburu oleh tentera Islam terlepas, Quraisy telah menghantar pasukan untuk berperang. Rasulullah SAW telah bermesyuarat dengan kaum muslimin. Baginda tidak sekadar berpuas hati dengan pandangan Abu Bakar RA, Umar RA dan al-Miqdad bin al-'Amru RA dari kalangan Muhajirin. Tetapi Baginda SAW ingin mengetahui pandangan Ansar. Ketua mereka iaitu Sa'ad bin Mu'az RA dapat menangkap maksud tersebut lantas berucap dengan memberikan sokongan jitu yang menggembirakan Rasulullah SAW.<sup>17</sup> Para Sahabat bebas memberikan pandangan kepada Rasulullah SAW berkenaan dengan pentadbiran negara dan apa jua isu yang timbul. Khabbab bin al-Munzir RA pernah mencadangkan di dalam perang Badar supaya perkhemahan tentera berada dekat dengan sumber air.<sup>18</sup>

Madinah mempunyai undang-undang tertinggi atau perlembagaan yang dikenali dengan Sahifah Madinah. Terdapat juga peraturan-peraturan kecil untuk mengawal selia pentadbiran dalam bidang-bidang seperti perniagaan, pertanian, ketenteraan dan sebagainya.<sup>19</sup> Sumber pendapatan negara ialah zakat, jizyah, ghanimah dan al-fay. Manakala kegiatan dan aktiviti ekonomi ialah pertanian, perniagaan dan pertukangan. Kerajaan tidak mengenakan sebarang cukai terhadap rakyat. Malah, Rasulullah SAW melarang keras perkara tersebut melainkan terdapat keperluan.

### **Kedaulatan**

Kedaulatan ialah kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah negara. Kuasa yang dimiliki menjadikan sesebuah negara itu mampu mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk mengatur pentadbirannya tanpa sebarang campur tangan dan pengaruh negara asing. Negara yang berdaulat mempunyai kebebasan mutlak dalam menggubal perlembagaan, sistem pemerintahan yang difikirkan sesuai, sistem ekonomi, sosial dan lain-lain. Negara yang tidak berdaulat atau tidak sempurna kedaulatannya terikat dengan campurtangan negara lain seperti negara yang dijajah dan negara yang berada di bawah Sistem Pemegang Amanah Antarabangsa (International Trusteeship System) yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).<sup>20</sup>

Negara Madinah memiliki kedaulatan mutlak. Ia tidak terikat dengan sebarang penaaungan daripada negara-negara lain pada waktu itu. Walaupun kuasa-kuasa besar yang berjiran iaitu empayar Rom di sebelah barat dan empayar Parsi di sebelah timur berusaha untuk memperluaskan pengaruh ke atas Semenanjung Arab yang mana Madinah adalah salah satu kawasan daripadanya, ia tidak dapat menakluk apatah lagi mempengaruhi halatuju negara Madinah. Ini terbukti apabila Rasulullah SAW bebas melakar strategi-strategi dan membuat keputusan-keputusan seperti mana yang tercatat di dalam riwayat-riwayat sirah.

### **Strategi Pengukuhan Kestabilan Negara**

Selepas tiba di Madinah atau nama lamanya Yathrib, Rasulullah SAW telah dilantik sebagai pemimpin politik tertinggi bagi mengetuai rakyat terdiri dari kalangan Ansar iaitu kabilah arab Aus dan Khazraj yang merupakan penduduk majoriti di Madinah dan Muhajirin yang merupakan golongan yang berhijrah bersama-sama dengan Baginda SAW. Penduduk bukan Islam dari kabilah Yahudi iaitu Bani Nadhir, Bani Quraizah dan Bani Qainuqa' menerima perubahan politik ini tanpa sebarang tentangan yang nyata. Begitu juga dengan golongan Arab yang masih menganut agama musyrik. Kemungkinan besar mereka hanya menuruti majoriti kaum yang sudah pun memeluk Islam kerana kesetiaan dan penaaungan kabilah sangat ketara ketika itu.

Orang Islam memberikan ketaatan mutlak kepada Rasulullah SAW yang bebas menentukan dasar dan polisi yang bersesuaian untuk memajukan negara yang baru diasaskan. Langkah-langkah strategik telah dilakukan dari semasa ke semasa untuk mengukuhkan kedudukan dan menjamin kestabilan. Ia merangkumi polisi yang dijalankan di dalam atau di luar negara. Antara langkah tersebut ialah memeterai perjanjian dengan rakyat bukan Islam (Yahudi), menjamin bekalan makanan penduduk, mempamerkan ketenteraan kepada negeri musuh dan mengukuhkan sektor ekonomi.

### **Memeterai Perjanjian Dengan Rakyat Bukan Islam (Yahudi Dan Musyrikin Madinah)**

Sebaik sahaja mengetuai negara, Baginda SAW telah memeterai perjanjian dengan rakyat bukan Islam. Sebahagian penulis-penulis sirah menamakannya

<sup>17</sup> Ibnu Hishām (2000). 'Abdul Malik bin Marwan. *al-Sirah al-Nabawiyah*. Pentahiq: Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari & Abdul Hafiz Shalabi. c. 3. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. h. 258.

<sup>18</sup> Al-Mubarakfuri (1976). Safiy al-Rahman. *Al-Rahiq al-Makhtum*. c. 1. Beirut. Dar ihya' al-Turath. h. 191.

<sup>19</sup> Al-Karami (2007). Hafiz Ahmad 'Ajaj. *al-Idarah Fi 'Ahdi al-Rasul SAW*. c.2. al-Qahirah. Dar al-Salam. h. 80.

<sup>20</sup> Al-Husayn (2011). Op. cit., h. 156. Büdiyār (2003). op. cit., h. 51.

sebagai Perlembagaan Madinah atau *Sahifah al-Madinah*. Terdapat mereka yang menyatakannya sebagai perjanjian dengan orang Yahudi yang terdiri daripada Bani Nadhir, Bani Quraizah dan Bani Qainuqa' dan Musyrikin Yathrib.<sup>21</sup> Beberapa peruntukan yang terdapat dalam perjanjian ini sangat berkait rapat dengan kestabilan negara kerana ia membabitkan aspek pertahanan dan keselamatan.

### **Orang Yahudi Dikehendaki Membiayai Sebahagian Perbelanjaan Perang**

وَأَنَّ الْيَهُودَ يَنْفِقُونَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ مَا دَامُوا  
مَحَارِبِينَ.

Maksud: Dan sesungguhnya orang-orang Yahudi memberi belanja bersama-sama dengan orang-orang beriman selagi mana mereka diperangi.<sup>22</sup>

Frasa ini mensyaratkan mereka sebagai rakyat untuk bersama-sama mempertahankan negara daripada serangan luar. Sebelum kemunculan Islam, Madinah sudah terdedah kepada serangan dan ancaman memandangkan muka buminya yang subur yang menghasilkan tanam-tanaman dan binatang ternakan yang banyak. Tambahan pula, perbalahan sentiasa berlaku di kalangan penduduknya samada sesama kabilah Arab atau pun di antara kabilah Arab dengan kabilah Yahudi yang menghalang wujudnya pertahanan yang jitu dalam menghadapi musuh. Kabilah-kabilah yang berada di sekeliling Madinah sering melancarkan serangan untuk mendapatkan hasil rampasan.<sup>23</sup>

Di dalam teks di atas, perbelanjaan perang mestilah dibiayai secara samarata. Frasa "*yunfiquna ma'a*" (memberi belanja bersama-sama) memberi makna "separuh". Perjanjian menetapkan sedemikian sekalipun orang-orang Yahudi sememangnya diketahui memiliki kekayaan berlipat kali ganda hasil daripada monopoli terhadap pasar serta sikap mereka yang menyembunyikan barangan untuk menaikkan harga dan mengamalkan riba.<sup>24</sup>

### **Larangan Memberi Perlindungan Kepada Quraisy**

وَأَنَّهُ لَا تِجَارَ قُرَيْشٍ وَلَا مِنْ نَصْرِهَا

Maksudnya: Dan sesungguhnya tidak boleh dilindungi Quraisy dan jangan sesiapa yang membantunya.<sup>25</sup>

Musyrikin Quraisy adalah musuh utama Islam kerana sejak dari awal lagi mendustakan kerasulan Muhammad SAW. Mereka telah memberi amaran kepada Aus dan Kahzraj yang berhubungan dengan Rasulullah SAW supaya tidak membantu dan memberikan perlindungan. Di dalam peristiwa Bai'ah 'Aqabah Kedua, Musyrikin Quraisy telah mengejar Sa'ad bin 'Ubadah RA dan Munzir bin 'Amru RA selepas mendapat kepastian bahawa sekumpulan penduduk Madinah memberikan taat setia kepada Rasulullah SAW. Munzir RA berjaya melepaskan diri dan Sa'ad RA telah ditangkap. Beliau diikat dan dipukul. Mut'im bin 'Adiy dan Harith bin Harb bin Ummayyah telah membebaskannya kerana Sa'ad RA pernah memberi perlindungan kepada kafilah dagang mereka yang melalui Madinah.<sup>26</sup>

Konflik bersenjata dengan Musyrikin Mekah memang dapat dijangkakan. Tidak berapa lama selepas Rasulullah SAW mengasaskan negara, Musyrikin Mekah pernah menulis surat kepada Abdullah bin Ubai dan pengikut-pengikutnya dengan mengancam untuk menyerang Madinah. Perjanjian ini menegah sebarang bantuan daripada Madinah kepada mereka dan menjamin keselamatan pergerakan ketenteraan selepas itu.<sup>27</sup>

### **Memerlukan Keizinan Untuk Keluar Daripada Madinah**

وَأَنَّهُ لَا يَخْرُجُ مِنْهُمْ أَحَدًا إِلَّا بِإِذْنِ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: Dan sesungguhnya tidak boleh disuruh keluar seorang pun daripada mereka melainkan dengan izin Muhammad.<sup>28</sup>

Perjanjian ini akan menghadkan dan membolehkan pergerakan orang Yahudi dan Musyrikin di luar Madinah berada dalam pengetahuan Rasulullah SAW. Langkah ini adalah penting memandangkan Madinah masih lagi baru diasaskan dan ia

<sup>21</sup> Akram Dhiya' al-'Umri (1994), *Al-Sirah al-Nabawiyah al-Shahihah*, c. 6. Madinah, Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam, j. 1, h. 272-281.

<sup>22</sup> Ibnu Hisham (2000), op. cit., j. 2, h. 117.

<sup>23</sup> Ahmad (2005), Qaid al-Syua'bi. *Kitab al-Ummah: Wathiqah al-Madinah al-Madhmum Wa al-Dilalah*. Qatar. Wizarah al-Auqaf Wa Syuun al-Islamiyyah Qatar, 142.

<sup>24</sup> Ahmad Qaid al-Syu'aibi (2005), op. cit., h. 143.

<sup>25</sup> Ibnu Hisham (2000), op. cit., j. 2, h. 117.

<sup>26</sup> Ibnu Hisham (2000), op. cit., j. 2, h. 62-63.

<sup>27</sup> Ahmad Qaid al-Syu'aibi (2005), op. cit., h. 158.

<sup>28</sup> Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), *Zad al-Ma'ad Fi hadyi Khair al-Ibad*, Pentahqiq: Syu'aib al-Arnauth & Abd al-Qadir al-Arnauth, c. 3. Beirut, Muassasah al-Risalah, j. 2, h. 117.

memerlukan mekanisme yang boleh melindunginya daripada sebarang kegiatan yang mengancam keselamatan.<sup>29</sup>

### Menjamin Bekalan Makanan Penduduk

Kecukupan makanan penduduk berkait rapat dengan kestabilan. Jika masalah ini berlaku tanpa penyelesaian dengan kadar segera dan kaedah yang tepat, ia berpotensi menggugat kestabilan negara.<sup>30</sup> Menyedari faktor ini, kerajaan Madinah ketika itu berusaha menjamin bekalan makanan yang berterusan.

Strategi yang dijalankan oleh Rasulullah SAW antaranya memberi motivasi kepada rakyat supaya berkerja dalam sektor ini dengan menyebut ganjaran dan menggambarkan kebesaran amalan tersebut di sisi Allah SWT. Pahala bercucuk tanam akan kekal sehingga hari kiamat selagi ada makhluk yang mengambil manfaat. Amalan ini juga sangat besar di sisi Allah SWT sehingga disaran menanam pokok sekiranya mempunyai benih sekali pun kiamat baru sahaja berlaku.

عن جابر رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: ما من مسلم يغرس غرسا إلا كان ما أكل منه له صدقة، وما سرق منه له صدقة، وما أكل السبع منه فهو له صدقة، وما أكلت الطير فهو له صدقة، ولا يزرؤه أحد إلا كان له صدقة.

Maksudnya: daripada Jabir RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: tidaklah seorang muslim menanam suatu tanaman melainkan apa yang dimakan daripadanya ia adalah sedekah, dan apa yang dicuri daripadanya ia adalah sedekah, dan apa yang dimakan binatang daripadanya maka ia baginya adalah sedekah, dan apa yang dimakan burung maka ia baginya adalah sedekah, dan tidaklah sesiapa mengambilnya melainkan ia adalah sedekah.<sup>31</sup>

قال: قال رسول الله ﷺ عن أنس بن مالك: إذا قامت الساعة وبيد أحدكم فسيلة فإن استطاع ألا يقوم حتى يغرسها فليفل.

Maksudnya: daripada Anas bin Malik RA beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: apabila berlakunya kiamat dan di tangan salah seorang dari kamu benih, maka sesungguhnya jika dia mampu untuk tidak bangun sehinggalah dia menanamnya, maka lakukanlah.<sup>32</sup>

Dalam masa yang sama rakyat diingatkan dengan dosa merosakan pokok-pokok dan tanam-tanaman atau sebarang kemudaratan samada kecil dan besar. Di dalam hadith di bawah, Nabi SAW melarang keras sesiapa yang memotong pokok Sidr (Bidara). Huraian (*Syarah*) hadith menyebut maknanya ialah memotong pokok Sidr yang digunakan untuk berteduh atau pokok Sidr yang tumbuh dalam Tanah Haram tanpa sebarang sebab yang syarie.<sup>33</sup>

عن عبد الله بن جحش رضي الله عنه قال: قال رسول الله ﷺ: من قطع سدره صوب الله رأسه بالنار.

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Jash RA beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang memotong pokok Sidr (Bidara) Allah SWT menghadapkan kepalanya ke neraka.<sup>34</sup>

Kerajaan juga memberikan insentif dengan memperkenalkan sistem *Ihya' al-Mawat* yang bermaksud "Menghidupkan Benda Mati" iaitu memberi pemilikan kepada individu yang membangun tanah terbiar dengan pertanian. Pemberian tanah turut diberikan kepada individu tertentu yang layak untuk bercucuk tanam. Riwayat menyebut Rasulullah SAW pernah memberi tanah kepada Zubair bin A'wwam RA dan memberi tanah yang mempunyai mata air kepada Ali bin Abi Talib RA.<sup>35</sup>

<sup>29</sup> Ahmad Qaid al-Syu'aibi (2005), op. cit., h. 164.

<sup>30</sup> Mu'iz al-Islam 'Izzat Faris (t.t), *Lamahat Taghzawiyah Fi al-Kitab al-Karim Wa Sunnah al-Nabawiyah*, (t.t.p), (t.n.p), h. 1.

<sup>31</sup> Muslim bin al-Hajjaj (1998), *Shahih Muslim*, Pentahqiq: Abu Suhaib al-Karami, Kitab al-Musaqat, Bab Fadhl al-Ghars Wa al-Azzar'a, No. Hadith 1552, t.c., Jeddah, Bait al-Afkar al-Duwaliyah, h. 635.

<sup>32</sup> Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1993), *al-Musnad*, Masanid al-Mukatthirin, Musnad Anas bin Malik, No. Hadith 12569, t.c., Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 3, h. 191.

<sup>33</sup> Ali bin Sultan Muhammad al-Qari (2002), *Mirqat al-Mafatih Syarh Muskat al-Masabih*, t.c., Beirut, Dar al-Fikr, j. 5, h. 1980.

<sup>34</sup> Abu Dawud (1999), op. cit., Kitab, Bab Fi Qath al-Sidr, No. hadith 5239, j. 4, h. 2226.

<sup>35</sup> Hafiz Ahmad 'Ajjaj Al-Karami (2007), op. cit, h. 164.

عن عائشة رضي الله عنها، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من أمر  
أرضاً ليست لأحد فهو أحق.

Maksud: Sesiapa yang  
menghidupkan tanah yang tidak  
dipunyai sesiapa maka dia berhak  
ke atasnya.<sup>36</sup>

Peraturan khusus ke atas pihak-pihak  
tertentu telah dikenakan untuk melancarkan urusan  
pertanian. Salah satunya pembahagian sumber dan  
penggunaan air iaitu pihak yang mengairi tanaman  
akan mengambil separuh daripada hasil. Ia disebut di  
dalam surat Rasulullah SAW kepada Bani Thaqif.  
Peraturan ini hanya dikenakan dalam perjanjian di  
antara Bani Thaqif dan kabilah Quraisy sahaja.<sup>37</sup>

وما سقت ثقيف من أعناب قریش، فإن شطرها لمن سقاها

Maksud: Mana-mana pokok anggur  
Quraisy yang Thaqif mengairinya,  
maka separuh daripada hasilnya  
adalah untuk orang yang  
mengairinya.<sup>38</sup>

Peraturan umum kepada semua pihak ialah seperti  
larangan menyewakan tanah kepada orang lain untuk  
bertani. Hanya tuan tanah yang dibenarkan bercucuk  
tanam di atas tanah mereka. Sekiranya mereka  
enggan, tanah tersebut akan dibiarkan begitu sahaja.  
Peraturan ini bertujuan menggalakkan semua orang  
melibatkan diri dalam pertanian.<sup>39</sup>

عن جابر رضي الله عنه قال: كانت لرجال منا فضول  
أرضين، فقالوا: نؤجرها بالثلث والرابع  
والنصف، فقال النبي صلى الله عليه وسلم: من كانت له أرض  
فليزرعها أو ليمنحها أخاه، فإن أبي قليمسك  
أرضه.

Maksud: Daripada Jabir RA, beliau  
berkata: beberapa orang dari  
kalangan kami mempunyai lebihan  
tanah. Mereka berkata: kami akan  
menyewakannya dengan  
memberikan hasil satu pertiga, satu  
perempat dan separuh. Lalu Nabi  
SAW bersabda: sesiapa yang  
mempunyai tanah maka bercucuk

tanamlah atau berilah kepada  
saudaranya. Jika dia enggan maka  
simpanlah tanahnya.<sup>40</sup>

Kerajaan turut memastikan makanan yang  
berada di pasaran berada dalam keadaan baik dan  
selamat digunakan oleh orang ramai. Suatu hari  
Baginda SAW melalui seorang penjual lalu  
meletakkan tangannya di bawah makanan tersebut  
dan mendapatinya basah. Baginda SAW melarang  
perkara itu dengan menganggap penjual tersebut cuba  
menipu pembeli.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم مر على  
صبرة طعام فأدخل يده فيها، فنالت أصابعه  
بللاً، فقال: ما هذا يا صاحب الطعام؟ قال:  
أصابته السماء يا رسول الله، قال: أفلا جعلته  
فوق الطعام كي يراه الناس، من غش، فليس  
مني.

Maksud: Daripada Abu Hurairah  
RA, sesungguhnya SAW telah  
melalui seorang penjual makan  
lantas Baginda memasukkan  
tangannya ke dalamnya, lalu  
tangannya terkena basah. Baginda  
berkata: “Apa ini wahai penjual  
makanan?”. Dia menjawab: terkena  
hujan wahai Rasulullah. Baginda  
berkata: “Mengapa tidak engkau  
meletakkannya di atas supaya  
orang melihatnya. Sesiapa yang  
menipu bukan dari kalangan  
kami”.<sup>41</sup>

## Mengukuhkan Sektor Ekonomi

Faktor ekonomi sememangnya mempunyai kesan  
yang besar terhadap kekuatan sesebuah negara. Hal  
ini ditunjukkan dengan peningkatan kelengkapan dan  
persenjataan yang dapat disediakan apabila keadaan  
ekonomi bertambah baik. Semasa perang Badar  
tentera Islam hanya mempunyai dua ekor kuda  
berbanding dua ratus ekor kuda dalam perang  
Khandak.<sup>42</sup> Semasa *Fath al-Makkah*, angkatan  
tentera Islam memasuki kota Mekah dalam keadaan  
lengkap bersenjata. Abu Sufyan yang sengaja  
dikurung di tempat yang membolehkannya melihat  
pergerakan pasukan tentera, semasa melihat

<sup>36</sup> Al-Bukhari (2005), op. cit., Kitāb al-Muzāra'ah, Bāb Man Ahyā  
Arđan Mawātan, No. Hadith 2335, h. 1310.

<sup>37</sup> Hafiz Ahmad 'Ajjaj Al-Karami (2007), op. cit, h. 166.

<sup>38</sup> Humaid bin Zanjawayh (1986), *Kitab al-Amwal*, Pentahqiq:  
Shakir Zaib Fayyadh, Kitāb al-Uhud Allati Katabaha al-Rasul  
SAW Wa Ashabuhu Li Ahl al-Sulh, No. Hadith 735, c. 1, al-  
Riyadh, Markaz al-Malik Fayshal Li al-Buhuth Wa al-Dirasat al-  
Islamiyyah, j. 1, h. 454.

<sup>39</sup> Hafiz Ahmad 'Ajjaj Al-Karami (2007), op. cit, h. 166.

<sup>40</sup> Al-Bukhari (2005), op. cit., Kitāb al-Hibah, Bāb Fi al-Manihah,  
No. Hadith 2632, h. 497.

<sup>41</sup> Muslim (1998), op. cit., Kitāb al-Iman, bab Fi Qawl al-Nabi  
Man Ghassyana Falaisa Minna, No. Hadith 164, h. 67.

<sup>42</sup> Munir al-Ghadban (2006), *al-Manhaj al-Haraki Fi al-Sirah al-  
Nabawiyyah*, Mansourah, Dar al-Wafa', h. 272.

Rasulullah SAW bersama-sama Muhajirin dan Ansar dengan senjata yang begitu banyak, beliau berkata<sup>43</sup>

ما لأحد بهؤلاء قبل ولا طاقة، والله يا أبا الفضل، لقد أصبح ملك ابن أخيك الغداة عظيماً، قال: قلت: يا أبا سفيان، إنها النيرة.

Maksud: Tidak ada sesiapa pun mempunyai kemampuan dan kekuatan untuk menentang mereka. Demi Allah wahai Abu al-Fadhl, sesungguhnya kerajaan anak saudaramu pada hari ini sangat hebat. Dia (Abu al-fahl) berkata: aku telah berkata: wahai Abu Sufyan, ia adalah kenabian (dan bukannya kerajaan semata-mata).<sup>44</sup>

Pada permulaan hijrah, Madinah menghadap krisis ekonomi yang kritikal. Kebanyakan penduduk khususnya Muhajirin terlalu miskin. Sebahagian mereka berasal daripada keluarga yang kaya tetapi harta benda terpaksa ditinggalkan di Mekah kerana dihalang oleh Musyrikin.<sup>45</sup> Rasulullah SAW pernah berkata kepada A'di bin Hatim

أحسب أنه يمنعك من أن تسلم إلا خصاصة من ترى حولي

Aku merasakan sesungguhnya yang menghalangmu daripada memeluk Islam tidak lain ialah kesempatan orang-orang yang engkau lihat di sekelilingKu.<sup>46</sup>

Harta benda Ansar yang dibahagikan bersama Muhajirin adalah terhad. Muhajirin terpaksa bekerja dengan upah yang rendah untuk menyara hidup. Ali bin Abi Talib RA mengambil upah menyiram kebun kurma dengan hanya segenggam tamar.<sup>47</sup> Kegawatan ini berlaku disebabkan ancaman Quraisy dan kabilah-kabilah yang bersekutu dengannya. Ia menyebabkan kabilah-kabilah yang berjiran dengan Madinah enggan berurusan dengan negara baru tersebut.<sup>48</sup>

Ekonomi Madinah dikuasai oleh orang Yahudi. Mereka mempunyai hasil-hasil pertanian

yang melebihi keperluan kerana menguasai sebahagian besar tanah-tanah subur dan sumber-sumber air. Orang-orang Yahudi memonopoli sektor pertukangan dan pembuatan. Mereka sangat terkenal dalam penghasilan senjata khususnya Bani Qainuqa'. Penguasaan mereka dalam sektor ini menjangkau pembuatan peralatan pertanian seperti pembajak, kapak dan sabit dan penimbang, pembuatan barang kemas dan perhiasan, pembuatan barangan daripada hasil pertanian seperti atap, bekas-bekas, tikar, tali, bantal dan pertukangan kayu untuk menghasilkan pintu, tingkap dan perabut. Rumah orang-orang kaya Yahudi banyak sekali memiliki perabut antaranya kerusi kayu berkaki besi, meja, katil dan sebagainya. Yahudi Madinah memiliki pasar untuk melakukan urusan perniagaan yang dikenali dengan nama salah satu suku kaum mereka iaitu Pasar Bani Qainuqa'. Ahli sejarah al-Samhudy menyifatkannya sebagai pasar yang sangat besar.<sup>49</sup> Untuk mengatasi masalah ini, Rasulullah SAW telah mengambil beberapa langkah:

#### Mengadakan Sistem 'Ata' Dan Iqta'at

Maksud 'ata' ialah pemberian. Ia merupakan pemberian kerajaan kepada rakyat dalam bentuk wang tunai seperti emas dan perak, hasil mahsul seperti hasil pertanian dan ternakan atau apa sahaja barangan yang berada dalam perbendaharaan negara. Rasulullah SAW mengagihkan 'Ata' kepada individu yang berumur 15 tahun dan ke atas. Jumlah yang diberikan adalah berbeza-beza berdasarkan faktor tertentu seperti bujang atau berkeluarga.

'Ata' diambil daripada Baitulmal yang mana sumbernya ialah peratus tertentu daripada Ghanimah (ramasan perang melalui pertempuran) dan al-Fay (ramasan perang yang bukan melalui pertempuran), harta pusaka yang tidak mempunyai waris dan barang-barang yang dijumpai.<sup>50</sup>

Iqta'at ialah pemberian tanah kepada individu tertentu dengan dua tujuan. Pertama, untuk mendirikan rumah kediaman. Kedua, untuk pertanian. Rasulullah SAW telah memberikan Iqta'at kepada Bani Zahrah di bahagian belakang masjid. Baginda SAW turut memberikannya kepada Talhah RA, Abu Bakar RA, Uthman RA dan lain-lain. Untuk bercucuk tanam, Rasulullah SAW pernah

<sup>43</sup> Safiy al-Rahman Al-Mubarakfuri (1976), op. cit., h. 369.

<sup>44</sup> Ibnu Hishām (1990). op. cit., h. 473.

<sup>45</sup> Al-Amin Mu'az Saleh (2003), *al-Ahwal al-Iqtisadiyyah fi 'Ahd al-Rasul SAW Wa Khulafa' al-Rasyidin*, Tesis Ph.D, Khartoum, Jami'ah al-Khartoum, h. 84.

<sup>46</sup> Abdullah bin Muhammad Ibn Abi Syaibah (1994), *al-Musannaf*, Kitab al-Maghazi, Islam 'Ady bin Hatim al-Thoiy, No. Hadith 5512, c. 1, Beirut, Dar al-Fikr, j. 8, h. 455.

<sup>47</sup> Muhammad bin 'Abd Rahman bin 'Abd Rahim al-Mubarakfuri (t.t), *Tuhfah al-Ahwazi Fi Syarh Sunan al-Tirmizi*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 7, h. 126.

<sup>48</sup> Al-Amin Mu'az Saleh (2003), op. cit., h. 84.

<sup>49</sup> Saami Hamdan Abu Zuhri (2004), op. cit., h. 208.

<sup>50</sup> Jihad 'Abd Husin al-A'lwany (2008), *Nizam al-'Atha' Fi Sadr al-Islam*, Majallah Jami'ah al-Anbar Li al-'Ulum al-Insaniyyah, bil. 14, al-Anbar, Jami'ah al-Anbar, h. 194.

memberikan Iqta'at kepada Ibnu Hammal Al-Mazani di Ma'rib, Zubair RA, Suhail bin Hunaif RA, Abdul Rahman bin 'Auf dan lain-lain. Pemberian tanah secara percuma untuk kediaman dan pertanian telah mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat dan meningkatkan keupayaan ekonomi mereka.

### Merangsang Sektor Pertanian dan Pembuatan

Selain daripada menjamin bekalan makanan yang mencukupi, hasil-hasil pertanian seperti tamar dan barli boleh dijual untuk mendapatkan wang tunai dan boleh digunakan untuk membeli barangan keperluan yang lain. Sektor ini turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Madinah. Pemilik-pemilik tanah yang luas akan membina kebun-kebun dengan diusahakan oleh orang lain yang mana sebahagian hasil diberikan kepada pengusaha atau pun membayar mereka dengan wang tunai samada emas atau perak.<sup>51</sup>

Pertukangan dan pembuatan adalah bidang yang jarang-jarang diceburi oleh orang Arab kerana mereka memandang rendah pekerjaan tersebut. Kebanyakan hasil pertukangan seperti keperluan rumah, kain dan peralatan bercucuk tanam dihasilkan oleh bangsa lain seperti Yahudi dan hamba abdi bukan Arab. Oleh kerana keperluan yang mendesak dan mengelakkan kebergantungan serta menjadi sumber ekonomi, Rasulullah SAW menggalakkan orang Islam mengeluarkan barangan. Semasa memberi motivasi dalam pengeluaran senjata, Baginda SAW pernah bersabda:

عن عبد الله بن عبد الرحمن بن أبي حسين أن رسول الله ﷺ قال: إن الله لي يدخل بالسهم الواحد ثلاثة الجنة صانعه يحتسب في صنعته الخير والرامي به والممد به.

Maksud: Daripada Abdullah bin Abdul Rahman bin Abi Husain, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: "Sesungguhnya Allah memasukkan tiga orang ke dalam syurga dengan sebatang anak panah, pembuatnya yang mengharap kebaikan ketika membuatnya, pemanahnya dan pengutipnya".<sup>52</sup>

### Memajukan Sektor Perniagaan

Perniagaan adalah bidang yang diceburi oleh orang Arab khususnya Quraisy yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan pengalaman yang luas. Walaupun begitu, Rasulullah SAW tetap memberikan galakan pahala dan menyebut kebesarannya di sisi Allah SWT. Ini bertujuan untuk mengatasi kemiskinan dan melawan monopoli orang-orang Yahudi dalam bidang tersebut.

عن عباية بن رافع بن خديج عن أبيه، قيل: يا رسول الله أي الكسب أطيب؟ قال: كسب الرجل بيده، وكل بيع مبرور.

Maksud: Daripada Ibayah bin Rafi' bin Khadij RA, daripada ayahnya: dikatakan: wahai Rasulullah: mana satukah pekerjaan yang paling baik?. Baginda bersabda: "Pekerjaan seseorang dengan tangannya dan setiap jual beli yang baik".<sup>53</sup>

Sejak awal lagi Rasulullah SAW menyedari keperluan mendirikan pasar yang baru untuk umat Islam berniaga bagi memecahkan monopoli orang Yahudi. Pasar ini adalah terbuka kepada semua orang yang ingin berniaga tanpa dikenakan sebarang cukai atau apa-apa bayaran. Sesiapa sahaja boleh membawa barang samada hasil mahsul di Madinah atau pun daripada penempatan badwi yang berhampiran atau pun daripada luar negeri.<sup>54</sup> Tempat yang baru ini mudah dilihat oleh peniaga-peniaga daripada Syam, Yaman, Irak dan Mekah sebaik sahaja mereka memasuki Madinah.<sup>55</sup>

Untuk melancarkan urusan perniagaan, Rasulullah SAW menyuruh segala hutang piutang ditulis supaya dapat memelihara hak-hak kedua-dua belah pihak. Terdapat ayat al-Quran menyebut tentang hal ini. Para ulamak menyatakan hukum menulis hutang adalah sunat. Baginda SAW turut menggalakkan penjual dan pembeli saling bertolak ansur untuk memudahkan urusan jual beli dan perniagaan sekaligus mengurangkan pertikaian dan perbalahan.

### Menyediakan Padang Rumput Untuk Haiwan Ternakan

<sup>51</sup> Hafiz Ahmad 'Ajjaj Al-Karami (2007), op. cit., h. 167.

<sup>52</sup> Al-Tirmidhi (1999), op. cit., *Kitāb Fadhail al-Jihad 'An Rasulillah SAW, BabMa Jaa' Fi Fadhil al-Ramy Fi Sabilillah*, No. Hadith 1637, j. 3, h. 572.

<sup>53</sup> Al-Hakim (1998), Muhammad bin Abdullah. *Al-Mustadrak 'Ala al-Shāhīhain, Kitāb al-Buyu', Laisa Minna Man Ghasshan*, No. Hadith 2205, t. c., Beirut. Dar al-makrifah, j. 2, h. 300.

<sup>54</sup> Hafiz Ahmad 'Ajjaj Al-Karami (2007), op. cit., h. 170

<sup>55</sup> Al-Amin Mu'az Saleh (2003), op. cit., h. 102.

Kerajaan memeruntukkan kawasan-kawasan tertentu untuk dijadikan padang rumput yang dikenali sebagai al-Hima. Fungsinya ialah tempat khusus untuk memelihara haiwan ternakan zakat dan sumbangan orang ramai. Binatang peliharaan persendirian juga dibenarkan menggunakan padang rumput ini.

Rasulullah SAW pernah memeruntukkan kawasan seluas 12 batu sebagai padang rumput penduduk Madinah ketika itu. Para ulamak menyebut, tindakan sedemikian diambil kerana orang ramai lebih memerlukan susu haiwan ternakan yang hanya terhasil daripada makanan yang mencukupi berbanding keperluan mereka kepada kayu api. Penjagaan al-Hima dilakukan secara sukarela oleh penduduk sekitarnya.

Sistem Al-Hima secara tidak langsung memberi sumbangan dalam meningkatkan ekonomi penduduk dari sudut memenuhi keperluan makanan seperti susu dan daging. Hal ini berjalan dengan baik apabila haiwan ternakan dapat dipelihara dengan teratur dan sistematik.

### **Mempamerkan Kekuatan Tentera Kepada Musuh**

Untuk melaksanakan strategi ini, Rasulullah SAW menggunakan dua kaedah. Pertama, melancarkan *ghazwah* iaitu perang yang diketuai oleh Baginda SAW sendiri. Kedua, menghantar *sariyyah* iaitu ekspedisi ketenteraan.

Tujuan utama ialah menunjukkan kekuatan kepada Quraisy dan kabilah-kabilah yang menentang Islam dan tidak senang dengan kemunculan agama baharu ini. Hal ini membantu mengukuhkan kestabilan negara apabila timbul perasaan gerun di kalangan musuh sehingga mereka teragak-agak untuk melakukan serangan yang mungkin pada akhirnya melupakan hasrat tersebut. Al-Mubarakfuri menjelaskan, tujuan peperangan dan penghantaran tentera ialah “memberitahu Musyrikin dan Yahudi Yathrib, arab badwi di sekitarnya, bahawa orang Islam telah kuat dan mereka telah membuang ketakutan mereka yang lama, dan memberi amaran kepada Quraisy akan akibat kesesatan mereka”.<sup>56</sup>

Strategi ini bermula awal sebelum daripada perang Badar yang menjadi pertembungan

ketenteraan yang sebenar dengan pihak musuh. Pada bulan Ramadhan tahun pertama hijrah, ekspedisi ketenteraan *Sariyyah Saif al-Bahr* yang diketuai oleh Hamzah bin Abdul Mutalib RA seramai 30 orang telah menyekat kafilah dagang Quraisy daripada Syam seramai 300 orang yang turut disertai Abu Jahal di Saif al-Bahr, kawasan di antara Yanbu' dan Marwah berhampiran Laut Merah. Semasa kedua-dua belah pihak berbaris untuk bertempur, Majdi bin Am'r al-Juhaniy sampai dan menghalang mereka. Beliau mempunyai perjanjian damai dengan Rasulullah SAW dan Quraisy.<sup>57</sup>

*Sariyyah Ghabigh* pula dihantar pada bulan Syawal tahun yang sama diketuai Ubaidah bin Harith bin Mutalib seramai 60 puluh orang. Mereka berjaya menjejaki Abu Sufyan yang bersama-sama dengan 200 orang. Kedua-dua pihak saling memarah di antara satu sama lain tetapi tidak berlaku pertempuran. Dalam peristiwa ini, dua orang tentera Quraisy menyertai tentera Islam. Kedua-duanya sudah pun memeluk Islam dan hanya menggunakan peluang ini untuk menyertai orang Islam di Madinah.<sup>58</sup>

Pada bulan dan tahun yang sama, *Sariyyah al-Kharraz* yang diketuai Saad bin Abi Waqqas RA seramai 20 orang diarahkan bergerak tidak melepasi al-Kharraz. Mereka bersembunyi pada waktu siang dan bergerak pada malam hari. Apabila sampai di tempat yang dimaksudkan, kafilah Quraisy sudah melintasi kawasan tersebut sehari sebelum itu.<sup>59</sup>

Berlaku beberapa peperangan yang mencetuskan pertempuran kecil iaitu *Ghazwah al-Abwa'* atau *Ghazwah al-Wadan* pada tahun kedua Hijrah bulan Safar. Saad bin Ubadah RA dilantik sebagai ketua di Madinah. Rasulullah SAW menuju ke *Wadan* bersama 70 orang tentera tetapi tidak menghadapi sebarang tentangan. Baginda SAW telah membuat perjanjian dengan A'mr bin Makhsya al-Dhamri, ketua kepada Bani Dhamrah. Selain itu, beberapa *Ghazwah* yang lain dilancarkan seperti perang *Bawath*, perang *Safawan* dan perang *Dhi al-A'syirah*.<sup>60</sup>

Ekspedisi ketenteraan yang dilancarkan oleh Rasulullah SAW mencemaskan pihak Quraisy khususnya selepas *Sariyyah Nakhlah*. Pada bulan Rejab tahun kedua hijrah, Abdullah bin Jahsh RA telah mengetuai 12 orang tentera yang dianggotai Muhajirin. Rasulullah SAW memberikan surat dan

<sup>56</sup> Safiy al-Rahman Al-Mubarakfuri (1976), op. cit., h. 177-178.

<sup>57</sup> Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), op. cit., j. 3, h. 146.

<sup>58</sup> Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), op. cit., j. 3, h. 147.

<sup>59</sup> Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), op. cit., j. 3, h. 147.

<sup>60</sup> Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), op. cit., j. 3, h. 148.

memerintahkannya bergerak selama dua hari. Selepas itu barulah surat itu dibuka. Surat tersebut menyuruh mereka pergi ke Nakhlah satu kawasan di antara Mekah dan Taif untuk meninjau pergerakan Quraisy. Mereka telah bertembung dengan kafilah Quraisy yang disertai oleh 'Amru bin al-Hadhrami, Uthman bin Abdullah, Naufal bin Abdullah dan al-Hakam bin Kaisan. 'Amru mati dipanah, Uthman dan al-Hakam ditawan dan Naufal sempat melarikan diri<sup>61</sup>. Quraisy telah merasa bahaya yang sebenar seperti yang dijangka sebelum ini. Mereka mula menyedari yang Madinah dalam keadaan bersiap siaga dan boleh menyerang dengan membunuh, menawan dan merampas harta benda mereka.

Gerakan ini berterusan sehinggalah tercetusnya perang Khandak yang menyaksikan tentera Quraisy bersama gabungannya pulang dalam keadaan kehilangan nyawa dan harta benda serta gagal mencapai apa-apa kemenangan. Walaupun perang ini tidak memberikan kemenangan besar kepada tentera Islam, akan tetapi ia menegaskan bahawa Madinah adalah suatu kuasa yang tidak dapat dikalahkan sekalipun dikepung oleh bilangan tentera Arab yang boleh dikatakan terbesar yang pernah berlaku di Semenanjung Tanah Arab. Rasulullah SAW telah berjaya menanam perasaan gerun di kalangan musuh.

### Mengadakan Perjanjian Dengan Kabilah-Kabilah Yang Berjiran

Pada tahun 2 hijrah bulan Safar, perjanjian secara lisan telah dibuat dengan Bani Dhamrah daripada kabilah Kinanah yang mana ketua mereka pada masa itu ialah Mkhashiy bin 'Amru al-Dhamari. Selepas itu perjanjian dimeterai dengan Bani Mudlij dan sebahagian Bani Dhamrah yang tinggal bersama-sama yang tidak mengikat perjanjian sebelum ini.<sup>62</sup> Perjanjian turut diadakan dengan Kabilah Juhainah pada tahun dan bulan yang sama.<sup>63</sup>

Perjanjian ini diadakan dengan kabilah-kabilah yang mendiami kawasan sekitar Madinah. Kebanyakan Bani Dhamrah menjadikan pasar Madinah sebagai punca rezeki dengan berniaga dan ada antara mereka yang mempunyai perjanjian dengan penduduk Madinah. Kabilah Juhainah pula menetap di sebelah barat Madinah. Ramai di

kalangan suku-suku kaum mereka mendiami sebahagian besar laluan kafilah dagang.<sup>64</sup>

Tujuan perjanjian damai ialah mewujudkan suasana aman dan stabil di dalam negara yang menjadikannya menjadi pengkalan selamat dalam melancarkan strategi dan langkah yang seterusnya. Ia juga bertujuan memberi keutamaan kepada serangan-serangan terhadap Quraisy sebagai musuh utama. Perjanjian antara Madinah dan kabilah-kabilah ini telah memutuskan hubungan Quraisy dengan kabilah-kabilah tersebut yang mana ia menghalangnya daripada meminta bantuan ketenteraan atau mendapatkan tempat perlindungan semasa konflik berlaku. Pada masa yang sama, tentera Madinah berupaya bergerak bebas di laluan-laluan perdagangan yang sebelum ini digunakan oleh Quraisy.<sup>65</sup>

### Penutup

Berdasarkan kepada penelitian terhadap sumber dan catatan sīrah, kesimpulan dapat dibuat bahawa kerajaan Madinah yang dipimpin Rasulullah SAW mempunyai strategi yang tersusun untuk mengukuhkan kestabilan negara. Ini bertujuan menangani sebarang ketidakstabilan yang mungkin berpunca daripada faktor dalam negara seperti minoriti rakyat bukan Islam dari kalangan Yahudi atau faktor luar negara seperti ancaman kabilah Quraisy dan kabilah-kabilah bukan Islam yang mendiami kawasan sekitar Madinah.

Strategi dalaman dapat dilihat dengan perjanjian antara rakyat bukan Islam bermatlamat menghalang mereka daripada memberikan sokongan kepada musuh daripada luar. Kerajaan turut berusaha meningkatkan keupayaan negara dengan memastikan bekalan makanan yang mencukupi tanpa bergantung kepada pihak-pihak lain. Selain itu, sektor ekonomi dipergiatkan untuk menjana hasil sebagai persediaan menghadapi peperangan yang memerlukan pembiayaan yang besar. Kekuatan dalaman dan kemandirian sesebuah negara tanpa memerlukan sokongan dan bantuan daripada kuasa-kuasa luar mempunyai kesan yang signifikan dalam menghadapi ancaman yang dicetuskan oleh punca-punca luaran.

Strategi luaran untuk menghadapi ketidakstabilan yang dicetuskan oleh musuh ialah mempamerkan kekuatan tentera bagi menunjukkan

<sup>61</sup> Safiy al-Rahman Al-Mubarakfuri (1976), op. cit., h. 180.

<sup>62</sup> 'Abd Aziz al-Dury (2014), *Mausu'ah Hurub Fajr al-Islam*, Beirut, al-Dar al-'Arabiyah Li al-Masu'at, j. 1, h. 94 dan h. 102.

<sup>63</sup> 'Abdul Rahman 'Abdul Wahid al-Syuja' (2001), *Dirasat Fi 'Ahdi al-Nubuwwah Wa al-Khilafah al-Rashidah*, Dar al-Fikr al-Mu'asir, Sana'a, h. 130.

<sup>64</sup> 'Abdul Rahman 'Abdul Wahid al-Syuja' (2001), Op. Cit., h. 130.

<sup>65</sup> 'Abdul Rahman 'Abdul Wahid al-Syuja' (2001), Op. Cit., h. 129 dan h. 444.

kesiapsiagaan dan kemampuannya menghadapi ancaman. Ia menimbulkan kesan psikologi di kalangan Quraisy yang merupakan musuh utama Islam dan kabilah-kabilah lain yang mempunyai niat jahat.

## Rujukan

‘Abd Aziz al-Dury (2014), *Mausu‘ah Hurub Fajr al-Islam*, C. 1, Beirut, al-Dar al-‘Arabiyyah Li al-Masu‘at.

‘Abdul Rahman ‘Abdul Wahid al-Syuja’ (2001), *Dirasat Fi ‘Ahdī al-Nubuwwah Wa al-Khilafah al-Rashidah*, C. 2, Sana’a, Dar al-Fikr al-Mu‘asir.

Abdullah (1982). Abdul Aziz bin Idris. *Mujtama’ al-Madinah fi A’hdī al-Rasul*. C. 1. Jeddah. Matabi’ Jami‘ah al-Malik Sa’ud.

Abdullah bin Muhammad Ibn Abi Syaibah (1994), *al-Musannaf*, C. 1, Beirut, Dar al-Fikr.

Abu Dāwūd (1999). Sulaymān bin al-Ash’ath. *Sunan Abī Dāwūd*. Pentahqiq: Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī. C. 1, Dār al-hadīth. Al-Qāhirah.

Ahmad (2005), Qaid al-Syua’bi. *Kitab al-Ummah: Wathiqah al-Madinah al-Madhmun Wa al-Dilalah*. Qatar. Wizarah al-Auqaf Wa Syuun al-Islamiyyah Qatar.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1993), *al-Musnad*, T. C. Beirut, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Akram Dhiya’ al-‘Umri (1994), *Al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, C. 6. Madinah, Maktabah al-‘Ulum Wa al-Hikam.

Al-Amin Mu‘az Saleh (2003), *al-Ahwal al-Iqtisadiyyah fi ‘Ahd al-Rasul SAW Wa Khulafa’ al-Rasyidin*, Tesis Ph.D, Khartoum, Jami‘ah al-Khartoum.

Al-Bukharī (2005). Muhammad bin Ismā‘īl. *Saḥīḥ al-Bukharī*. Pentahqiq: Abu Shuhayb al-Karamī. T.C., Al-Riyadh. Bait al-Afkār al-Duwaliyyah.

Al-Hakim (1998). Muhammad bin Abdullah. *Al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥain*. T. C., Beirut. Dar al-makrifah.

Al-Husayn (2011). Batūl. *Maḥmūd al-Dawlah wa Arkānihā fi al-Fikr al-Islāmī al-Mu‘āsir*. Majallah al-Ulūm al-Siyāsiyyah. Bil. 43. Baghdād. Jāmi‘ah Baghdād.

Ali (1996). Hafiz. *Fusul min Tarikh al-Madinah al-Munawwarah*. C. 3. Madinah. Syarikah al-Madinah li al-Tab Wa al-Nashr.

Ali bin Sultan Muhammad al-Qari (2002), *Mirqat al-Mafatih Syarh Muskat al-Masabih*, T.C., Beirut, Dar al-Fikr.

Al-Karami (2007). Hafiz Ahmad ‘Ajjaj. *al-Idarah Fi ‘Ahdī al-Rasul SAW*. C. 2. al-Qahirah. Dar al-Salam.

Al-Mubarakfuri (1976). Safiy al-Rahman. *Al-Rahiq al-Makhtum*. C. 1. Beirut. Dar ihya’ al-Turath.

Al-Tirmidhī (1999). Muhammad bin Īsa. *Sunan al-Tirmidhī*. Pentahqiq: Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī. C. 1, Al-Qāhirah. Dār al-hadīth.

Būdiyār (2003). Husnī. *Al-Wajīz fi al-Qanūn al-Dustūrī*. T.C., Al-Jazāir. Dār al-ulūm.

Hashim (2007). Yahya al-Mallah. *Hukumat al-Rasul SAW Dirasat Tarikhiyyah Dusturiyyah Muqaranah*. Beirut. C. 1. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Humaid bin Zanjawayh (1986), *Kitab al-Amwal*, Pentahqiq: Shakir Zaib Fayyadh, C. 1, al-Riyadh, Markaz al-Malik Fayshal Li al-Buhuth Wa al-Dirasat al-Islamiyyah.

Ibn Hajar al-‘Asqalani (1986). Ahmad bin Ali. *Al-Isābah Fi Tamyiz al-Sahabah*. Pentahqiq: Hassan Abdul Mannan. T.C., Al-Riyadh. Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.

Ibn Hajar al-‘Asqalani (1986). Ahmad bin Ali. *Fath al-Bari Fi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. T.C., Al-Qāhirah. Dār al-Rayyān Li al-Turāth.

Ibn Majah (1998). Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. Pentahqiq: Muhammad bin Fuād ‘Abd al-Baqī, Mustafā Muhammad Husayn al-Zahabī. C. 1. Al-Qāhirah. Dār al-hadīth.

Ibnu Hishām (2000). ‘Abdul Malik bin Marwan. *al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Pentahqiq: Mustafa al-Saqā, Ibrahim al-Abyari & Abdul Hafiz Shalabi. C. 3. Beirut. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Jihad 'Abd Husin al-A'lwany (2008), *Nizam al-'Atha' Fi Sadr al-Islam*, Majallah Jami'ah al-Anbar Li al-'Ulum al-Insaniyyah, bil. 14, al-Anbar, Jami'ah al-Anbar.

Mu'iz al-Islam 'Izzat Faris (t.t), *Lamahat Taghzawiyyah Fi al-Kitab al-Karim Wa Sunnah al-Nabawiyyah*, (t.t.p), (t.n.p).

Muhammad (2003). bin Hasan bin Zabalah. *Akhbar al-Madinah*. C. 1. Madinah. Markaz al-Buhuth Wa Dirasat.

Muhammad bin 'Abd Rahman bin 'Abd Rahim al-Mubarakfuri (t.t), *Tuhfah al-Ahwazi Fi Syarh Sunan al-Tirmizi*, Beirut, T.C., Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muhammad bin Abi Bakar Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1998), *Zad al-Ma'ad Fi hadyi Khair al-Ibad*, Pentahqiq: Syu'aib al-Arnauth & Abd al-Qadir al-Arnauth, C. 3. Beirut, Muassasah al-Risalah.

Munir al-Ghadban (2006), *al-Manhaj al-Haraky Fi al-Sirah al-Nabawiyyah*, C. 15, Mansourah, Dar al-Wafa'.

Muslim bin al-Hajjaj (1998), *Shahih Muslim*, Pentahqiq: Abu Suhaib al-Karami. T.C. Jeddah, Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=negara>, 14 Mac 2018.

Saami (2004). Hamdan Abu Zuhri. *Yahud al-Madinah Fi A'hd al-Nabawi Audhau'hum al-Ijtimaiyyah Wa al-Iqtisadiyyah Wa al-Thiqafiyya*. Tesis Master. Gaza. Al-Jami'atu al-Islamiyyah.